

Yuran naik di UK: Sikap kerajaan

TIDAK besar jumlah Menteri, Timbalan Menteri dan pegawai tinggi kerajaan kita yang kerap berulang alik ke London sanggup berdepan dengan para pelajar kita di United Kingdom. Dan antara yang berani dikritik dalam pertemuan-pertemuan sebegini ialah bekas Menteri Pelajaran, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang kini Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Juga Menteri Pelajaran sekarang, Datuk Musa Hitam.



■ DATUK SERI DR. MAHATHIR



■ DATUK MUSA HITAM

Jika syarikat-syarikat British dirampas, kesannya bukan dua hala Malaysia-Britain saja, tapi juga negara-negara lain

CHAMIL WARIYA menulis dari London...

bih penting.

Memanglah tidak ada undang-undang yang mengatakan setiap menteri Malaysia, bila tiba di London, mesti bertemu dengan para pelajar.

Memang tidak ada juga dalam Perlembagaan kita yang mengatakan seorang menteri

itu bertanggungjawab terhadap 16,000 mahasiswa kita di United Kingdom dewasa ini. Bagaimanapun, satu perkembangan yang menarik berlaku sejak satu dua tahun kebelakangan ini.

Menteri-menteri kita — sungguhpun tidak semua — sudah bersedia melapangkan masa berjinak-jinak dengan para pelajar di Britain.

Kalau mereka tidak dapat bertemu dengan para pelajar di majlis-majlis terbuka di Dewan Malaysia, mereka akan memanggil para pemimpin pelajar untuk bersejambur dan bertukar-tukar pendapat tentang berbagai perkara, terutama hal-hal yang secara langsung melibatkan dunia pelajar, atau yang dekat di hati mereka.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, sewaktu ke Switzerland kerana urusan negara pertengahan Februari lalu, telah terbang ke London menemui para pelajar kita di Dewan Malaysia.

Sambutannya cukup memberangsangkan. Ruang dewan tersebut sesak dipenuhi kira-kira 500 pelajar kita dari segenap pelusuk Britain.

Timbalan Perdana Menteri sedar pertemuan-pertemuan sebegini kontroversial, biasanya. Tetapi, dengan tenang, beliau berjaya melaluinya sungguhpun di akhirnya kemudiam bahawa tidak semua pelajar puas hati dengan ceramahnyanya itu.

Beliau juga sedar bahawa pertemuan-pertemuan serupa itu belum tentu dapat mengharmonikan perbezaan pendapat kerajaan dengan pendapat sebilangan kecil pelajar.

Namun beliau berpuas kerana sebilangan besar pelajar di United Kingdom tahu berfikir sendiri, tidak terikut-ikut dan tahu berterimakasih atas segala kemudahan yang disediakan kerajaan pada mereka.

Datuk Seri Dr. Mahathir adalah antara menteri kabinet Datuk Hus-

sein Onn yang kritikal terhadap tindakan dan sebilangan kecil pelajar seberang laut yang terlibat dengan dakwah 'extreme' yang boleh mematahkan semangat Melayu memenuhkan matlamat Dasar Ekonomi Baru yang golongan ini anggap sebagai tidak bercorak Islam.

Bagaimanapun, dalam pertemuan dengan para pelajar malam itu, Timbalan Perdana Menteri tidak mendikasikan dakwah tema ucapannya.

Kesempatan itu, digunakannya untuk menyedarkan para pelajar kita supaya jangan terialu khayal dengan revolusi di Iran kerana ia tidak sesuai di Malaysia. Dan sedikit sebanyak, beliau berjaya.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga telah menyentuh tentang kenaikan tinggi yuran di United Kingdom dan sikap kerajaan terhadapnya. Inilah perkara yang lebih dekat di hati mereka.

Kerajaan, menurut beliau, memang bersimpati dengan kesannya yang terpaksa dihadapi oleh 16,000 pelajar mulai Oktober tahun ini, bila yuran pelajar naik yakni £2,000 bagi ijazah pertama bidang kesasteraan (kira-kira sepuluh ribu ringgit), £3,000 bagi bidang sains (kira-kira lima belas ribu ringgit) dan £5,000 (kira-kira 25 ribu ringgit) bagi kursus perubatan pergigian dan sains haiwan.

Bagaimanapun, tidak ada apa yang boleh kerajaan buat.

Mengenai syor MPPM (Majlis Pelajar-pelajar Malaysia di United Kingdom dan Republik Ireland) supaya Kerajaan Malaysia mengambil tindakan balas dengan mengenakan sistem cukai yang berbeza dan lebih tinggi terhadap firma-firma British atau memilik-negarkan firma-firma tersebut, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, cadangan itu memang boleh dilakukan, tapi kesannya tidak begitu baik untuk ekonomi Malaysia yang kini sedang berkembang.

Jika syarikat-syarikat British di Malaysia dirampas, jelas beliau, kesannya bukan dua hala Malaysia-Britain saja, tetapi negara-negara lain yang berkepentingan di Malaysia juga akan meragui kejujuran Malaysia mengundangi mereka melabur.

Lagipun, Datuk Seri Dr. Mahathir menambah, tindakan seumpama itu, walaupun diambil, belum tentu lagi dapat membuat Kerajaan Inggeris mengurangkan yuran belajar.

"Kita tak boleh paksa Britain ikut selera kita," tegas Dr. Mahathir yang menyedari tidak ada sebuah negara berdaulat yang akan tunduk dengan permintaan-paksaan negara lain.

Para pelajar Malaysia di Britain, Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu, boleh bertindak memperjuangkan soal tersebut asalkan ia dilakukan selari dengan undang-undang negara berkenaan.

Dan Kerajaan Malaysia, tegas beliau, tidak akan bertanggungjawab terhadap mereka yang mencabul undang-undang negara itu. ■

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia